



TEKNIK MERANGSANG ANAK SUPAYA BIJAK

KANDUNGAN

- **PENGENALAN**
- **NASIHAT LUQMANUL HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK**
- **CARA RANGSANG ANAK JELAJAHI LAUTAN ILMU**
- **BAGAIMANA UNTUK MEMBENTUK BUDAYA BELAJAR DALAM DIRI ANAK-ANAK?**
- **APAKAH PERBEZAAN ANTARA INDIVIDUAL DAN PERSONAL?**
- **BAGAIMANA MEMBANGUN VISI YANG CEMERLANG ?**

PENGENALAN

"Semua anak dilahirkan pintar, tetapi yang memberi impak ialah cara kita merangsang mereka. Ibu bapa mesti mempunyai misi yang jelas iaitu menanam tekad membentuk masa depan anak"

Dato' Dr. Hj. Mohd Fadzilah Kamsah

Pakar Motivasi



Apabila menyebut soal pendidikan anak-anak secara tidak langsung ia lebih tertumpu kepada tugas dan tanggungjawab ibu bapa. Untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang bijak semuanya bergantung atas usaha dan daya upaya ibu bapa sendiri.

NASIHAT LUQMANUL HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK

Siapakah Luqmanul Hakim?

Luqman al-Hakim(Luqman yang bijaksana) adalah anak kepada Faqhur bin Nakhur bin Tarikh(Azar), oleh itu Luqman adalah anak saudara kepada Nabi Ibrahim a.s. atau dikatakan juga beliau anak saudara kepada Nabi Ayub a.s.

Luqman di katakan hidup selama seribu tahun sehingga dapat menemui zaman kebangkitan Nabi Daud a.s. bahkan pernah menolong Nabi Daud a.s. memberikan hikmah atau kebijaksanaan. Dia pernah menjadi kadi yakni hakim untuk mengadili perbicaraan kaum Bani Israel.

“Dan sesungguhnya kami(Allah) telah mengurniakan hikmah(kebijaksanaan) kepada Luqman: Hendaklah engkau bersyukur kepada Allah! Siapa yang, sesungguhnya dia bersyukur untuk dirinya sendiri, dan siapa kufur sesungguhnya Allah itu kaya lagi terpuji.”

- Surah Luqman;Ayat 12

Dalam sejarahnya Luqman menikah dan dikurniai ramai anak, akan tetapi semuanya meninggal dunia ketika masih kecil, tidak seorang pun hidup hingga dewasa, namun Luqman tidak menangis, kerana hidupnya yang sudah yakin dengan Allah.

Nasihat Luqmanul Hakim Kepada Anaknya

Allah SWT telah merakamkan beberapa keistimewaan yang dilakukan oleh Luqmanul Hakim sewaktu mendidik anak. Di antara nasihat Lukman kepada anaknya ialah:



1. Hendaklah engkau selalu berada di majlis para ulama' dan dengarlah kata-kata para hukama (orang yang bijaksana), kerana Allah menghidupkan jiwa yang mati dengan hikmat sepertimana menghidupkan bumi yang mati dengan hujan yang lebat.
2. Janganlah engkau jadi lebih lemah daripada seekor ayam jantan, ia telah berkokok pada waktu pagi hari sedangkan engkau pada ketika itu masih terbaring di atas katilmu.

3. Janganlah engkau menanggihkan taubat kepada Allah kerana mati itu akan datang tiba-tiba.

4. Dunia ini bagaikan lautan yang dalam, banyak orang sudah ditenggelamkannya. Oleh itu, jadikanlah taqwa sebagai kapalnya.



5. Pukulan bapa ke atas anaknya bagaikan air menyirami tanaman.

6. Tiga orang yang tidak dapat dikenali melainkan pada tiga keadaan. Orang yang lemah lembut melainkan ketika marah, orang yang berani melainkan ketika berperang dan saudara maramu melainkan ketika engkau berhajat dan memerlukan pertolongan daripadanya.

7. Sesungguhnya dunia ini sedikit sahaja, sedangkan seluruh umurmu lebih sedikit daripada itu. Manakala umurmu yang masih berbakti lagi amat sedikit daripada yang lebih sedikit.

Sama-samalah kita mendidik anak-anak yang di anugerahkan oleh Allah S.W.T kepada kita supaya menjadi insan dan hamba-Nya yang taat dan patuh kepada segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya.



Sabda Rasulullah SAW bermaksud:


“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci bersih. Ibu bapalah bertanggungjawab mencoraknya anak itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Bukhari dan Muslim)

CARA RANGSANG ANAK JELAJAHI LAUTAN

ILMU

Perkara pertama yang diperlukan untuk memupuk rasa cinta pada ilmu adalah dengan melahirkan budaya membaca.


Secara fizikal, otak manusia akan berkembang seawal di usia 0-6 tahun, kemudian kadar kecepatannya berkurangan hingga usia mencecah 8 tahun, dan berhenti pada usia 12 tahun. Sebaik sahaja usia menginjak ke angka 12, apa yang perlu anda lakukan adalah mengoptimumkan fungsi otak melalui program pelajaran yang tepat.



Secara intelektual, perkembangan otak akan berlaku dengan pantas pada usia dua tahun sehingga lapan tahun. Pada fasa berikutnya, iaitu antara 8-12 tahun, perkembangan otak masih terus aktif dan terhenti pada usia 18 tahun. Justeru untuk melahirkan insan yang cemerlang dan memiliki kemahiran dalam pelbagai bidang, daya pemikiran dan fungsi otak perlu dibentuk seawal usia 8 tahun sehingga mencecah ke 18 tahun. Saat inilah anak-anak perlu didedahkan dengan budaya belajar, baik di rumah mahupun di sekolah. Sekiranya dapat dimanfaatkan dengan betul, anak-anak mampu berdikari dan mula memupuk rasa cinta pada ilmu.

BAGAIMANA UNTUK MEMBENTUK BUDAYA BELAJAR DALAM DIRI ANAK-ANAK?

Pertama, jadikan belajar itu sesuatu aktiviti yang menggembirakan. Dekatilah anak-anak dan dedahkan mereka dengan ilmu. Di rumah, sebagai ibu bapa kita dapat berinteraksi dan mendekati anak-anak secara individual.



Sementara di sekolah, pembelajaran dan ilmu yang disampaikan lebih bersifat kepada klasikal. Kita perlu merancang penataan ruang yang kelas yang optimum agar kanak kanak ini berasakan diri mereka sentiasa diperhatikan.

Untuk aktiviti santai, wujudkan dan rancang sebarang kegiatan yang boleh mendidik anak-anak untuk berfikir dan berdikari sendiri. Misalnya melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti lasak bersama. Kaedah ini akan membuatkan anak-anak berasa lebih dihargai oleh kedua ibu bapa.

APAKAH PERBEZAAN ANTARA INDIVIDUAL DAN PERSONAL?

Perbezaannya sangat mudah! Jika anda memberikan sebatang pen kepada setiap anak murid anda, dengan cara memanggil nama mereka seorang demi seorang, ini bermakna anda telah mendekati mereka secara individual. Namun jika mendekati seseorang itu kerana keistimewaannya, maka anda baru sahaja melakukan pendekatan secara personal. Lemparkan senyuman dan gengaman saat bersalaman, kaedah ini secara tidak langsung akan memberikan satu semangat baru dalam diri mereka.



Aktiviti-aktiviti luar yang dilakukan bersama juga akan membuatkan anak-anak menimba banyak pengalaman baru. Sesungguhnya, pengalaman baru itu dapat memberikan perasaan positif pada anak, sehingga mereka berasa lebih bersemangat untuk melakukan aktiviti bersama. Dan ia lebih efektif berbanding hadiah yang bersifat kebendaan.

Lantaran itu, adalah sewajarnya anak-anak diberikan pendidikan awal di usia 0-8 tahun. Pembelajaran itu perlulah lebih banyak membangkitkan motivasi diri, memelihara rasa ingin tahu dan merangsang rasa ingin tahu secara ilmiah. Sayangnya, ada di antara kita banyak membunuh rasa ingin tahu anak-anak serta dorongan untuk melakukan yang terbaik dengan menjanjikan hadiah kepada mereka.



Kita mendorong mereka berbuat baik kerana mengharapkan dunia, sedangkan kita perlu melatih mereka tentang ikhlas. Seperti mana yang tertulis di dalam buku Social Psychology hasil tulisan Robert S. Feldman, "hadiah hanya merosakkan motivasi naluri semula jadi anak-anak. Bahkan mendorong mereka menjadi seorang yang tidak berwawasan ketika bekerja suatu hari nanti". Walau bagaimanapun, kita perlu memberikan umpan balik kepada mereka berupa perhatian, kasih sayang dan kesediaan untuk meluangkan masa bersama.

Selain itu, bangunkan visi anak sehingga mereka merasa lebih bersemangat untuk belajar, mencari ilmu dan melakukan banyak perkara baru yang boleh mendatangkan kebaikan. Anak-anak umpama kain putih yang perlu dicorak. Mereka perlu dibentuk agar menjadi orang yang berguna untuk Negara, bukan rajin belajar kerana inginkan pekerjaan dan gaji yang besar. Bahkan, bakar semangat mereka agar kelak tangannya mampu menggenggam dunia, tetapi panggilan untuk menolong dan membangunkan agama Allah.



BAGAIMANA MEMBANGUN VISI YANG CEMERLANG ?

Secara mudahnya, (Philip Kotler), merumuskan visi sebagai *an ideal standard of excellance* iaitu standard ideal yang cemerlang yang secara integral merupakan bahagian dari gambaran mental kita tentang masa akan datang. Sekiranya cita-cita kita tanpa standard ideal yang cemerlang itu, ia bukanlah sebuah cita-cita tetapi sebuah angan-angan. Manakala visi pula sekiranya tidak disertai dengan misi yang jelas untuk mencapinya, ia bukanlah sebuah visi. Tetapi fizikal, iaitu sebuah kata-kata kosong.



Apakah pengaruh visi? Mereka yang mempunyai visi yang besar akan memiliki kepekaan terhadap arah dan tujuan. Kita lebih mudah menjangkakan apakah yang ia sesuai dengan visi yang ingin kita capai atau tidak, Maka oleh disebabkan itulah, kita tidak mudah terpedaya dengan dugaan-dugaan dan pelbagai pengaruh luar. Meskipun ia berada di hadapan mata.

Visi besar yang diserapkan dalam diri kanak-kanak haruslah disertai dengan alasan yang kukuh, untuk anak-anak kita melakukannya. *Raison d'etre. Reason for being.* Ini merupakan sumber motivasi yang boleh menggerakkan anak-anak untuk terus belajar dengan lebih gigih. Bukankah motivasi merupakan sesuatu yang menggerakkan kita untuk melakukan sesuatu? Oleh itu, sekolah perlu merancang segmen motivasi setiap hari di samping memperuntukkan satu hari, satu motivasi yang lebih mengesankan.



Selain itu, nilai kerohanian yang bersifat integral dapat membentuk integrity anak-anak. Dua hal ini, kerohanian dan integrity dapat memepuk rasa tanggungjawab dalam diri anak-anak, melahirkan kesediaan untuk menanggung kesan dari tindakan yang kita lakukan serta mendorong anak-anak memiliki daya juang yang tinggi. Kerohanian yang kuat menjadikan apa yang dilakukan oleh anak-anak menjadi lebih bermakna. Kerohanian yang berlandaskan kepada keyakinan kepada Allah SWT dan hari akhirat, akan melahirkan kesedaran bahawa diri mereka sentiasa diawasi oleh Allah SWT dan para malaikat. Kesedaran ini merupakan sebahagian daripada ihsan, sekaligus melengkapi integral dan integrity.

Sebagai ibu bapa juga, kita harus memupuk budaya membaca dalam kalangan anak-anak. Perkara pertama yang diperlukan untuk memupuk rasa cinta pada ilmu adalah dengan melahirkan budaya membaca. Ia bukan sahaja dapat membuka pintu-pintu ilmu malah menjadi perkara paling serius di pelbagai Negara maju. Misalnya di Singapura, seawal usia 1-5 tahun lagi anak-anak sudah didedahkan dengan media pembelajaran dan menulis.



Selain itu, pihak sekolah juga perlu merancang corak pembelajaran yang boleh mencipta budaya belajar yang kuat di kalangan murid-murid sekolah. Di peringkat sekolah rendah, dua perkara yang didedahkan kepada mereka : *the basic of knowing* dan *the basic of knowledge*. *The basic knowing* lebih tertumpu kepada motivasi, sikap dan perilaku. Manakala *the basic of knowledge* pula berkait rapat dengan pengetahuan-pengetahuan asas, seperti bagaimana untuk memahami isi bacaan, menulis dan logic matematik yang diarahkan terutama kepada penguasaan prinsip-prinsip asasnya. Dan bukannya teknik mengira semata.

Kesemua sebab ini sangat penting untuk proses pembelajaran. Untuk menjadi orang berjaya, pupuklah minat untuk belajar dari sekarang.